



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	29/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPN PAHANG/ JMG			

Plan Malaysia cadang Lima Permata Raub meliputi lokasi pelancongan, tarik pengunjung

# Musang king jadi ikon terkenal Raub

Oleh ABDUL RASHID  
ABDUL RAHMAN


**RAUB** - Lima Permata Raub dikenal pasti dalam usaha membangunkan daerah itu sebagai lembah agro lestari sekali gus memperkukuhkan kedudukan Raub yang sebelum ini dikenali bandar perlombongan emas itu ke peringkat global.

Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Plan-Malaysia), Dr. Shamsaini Shamsuddin berkata, lima permata tersebut memabitkan durian musang king, Bukit Fraser, Kompleks Geopark Benum, bandar Raub serta ekopelancongan dan agropelancongan.

Menurutnya, musang king yang terkenal di daerah ini menjadi ikon produk pertanian daerah itu di peringkat global.

"Model bisnes Raub agropolitan dan Raub Agrotech Centre dicadangkan sebagai pemangkin kepada nilai pengeluaran hasil pertanian di daerah itu dan Pahang.

"Bukit Fraser sebagai eko warisan tanah tinggi berkonsepkan 'Little England' dicadangkan untuk pembinaan Taman Negeri Bukit Fraser dan Taman Floria," katanya.



**BUKIT FRASER, musang king (gambar kecil) antara lima dikenal pasti bagi memperkukuhkan kedudukan Raub ke peringkat global.**

Bellau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Tempatan (RT) Daerah Raub di Dewan Jubli Perak Majlis Daerah Raub di sini semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Ahli Dewan Undangan Negeri Batu Talam, Datuk Aziz Mat

Kiram.

Tambah Shamsaini, pembinaan kompleks Geopark Benum juga amat signifikan dengan penemuan kompleks batuan igneus berusia jutaan tahun.

Katanya selain itu, penemuan bunga rafflesia di Hutan Simpan Gunung Benum di sini juga dapat menonjolkan keunikan ekosistem yang masih terpelihara di

daerah ini.

"Bagi kawasan bandar Raub pula dicadangkan pembinaan zon warisan termasuklah Muzium Warisan dan Kesenian Raub.

"Permata terakhir ialah menerusi ekopelancongan dan agropelancongan termasuk cadangan slogan promosi pelancongan 'Weh Moh Ke Raub,' ujarnya.

Dalam pada itu, bellau mem-



**DR. SHAMSAINI**

beritahu secara keseluruhan Draf RT Raub 2035 itu menyenaraikan sebanyak 130 cadangan keseluruhan projek dan inisiatif pembangunan dengan 23 daripadanya dikategorikan sebagai 'quick win' yang perlu dilaksanakan segera.

"Antara cadangan projek 'quick win' adalah Jejak Warisan Bandar Raub, laluan seni, seni awam bandar Raub, naiktaraf Dataran Raub, pasar terapung Sungai Dong, jejak warisan Bukit Fraser dan pusat rekreasi Air Batu Malim," katanya.

Sementara itu, Wan Rosdy berkata, kerajaan negeri akan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam merealisasikan cadangan terbabit dengan mengambil kira faedah kepada rakyat.